



KAJIAN KES URBAN KUALA LUMPUR

Kertas Taklimat MMC, November 2020



“Saya rasa pelarian dan migran termasuk diri saya, sedang membantu membangunkan KL. Di tapak - tapak pembinaan, terdapat banyak migran yang melakukan pelbagai kerja yang berbeza – kami membina bangunan dan jambatan. Migran juga yang memotong rumput dan membersihkan bandar raya, untuk keindahan bandar raya ini jua.”

Lelaki Rohingya, berusia 28 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Selepas COVID-19, berlaku serbuan polis, semua orang takut kerana ramai orang yang tiada dokumen telah ditangkap dalam hanya beberapa hari. [...] Disebabkan COVID-19, sangat bahaya untuk tinggal di KL. Saya tidak boleh ke mana-mana dan hanya tinggal di tempat kerja. Jika saya mahu membeli sesuatu, saya terpaksa meminta kawan saya yang mempunyai dokumen untuk tolong belikan.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

Penghargaan

Pengarang Prinsipal: Hanh Nguyen, Jennifer Vallentine.

Pasukan Penyelidik: MMC-Asia, Pemantau 4Mi – Jabbi dan Soe Mint.

Disemak oleh: Robert Forin, Katrina Munir-Asen dan Alya Iman Mohamed Roslan.

Penghargaan khas:

- Alya Iman Mohamaed Roslan daripada MERCY Malaysia yang telah menyokong kami dalam pengumpulan data dan pengesahan penemuan.
- 3 orang responden Rohingya dan 3 orang responden Bangladesh, serta 2 wakil Organisasi Masyarakat Sivil dan 2 advokat migran dan pelarian yang mengambil bahagian dalam kajian kami.

Susun atur dan reka bentuk: Ziad Alhemdi

Rujukan yang dicadangkan: Mixed Migration Centre (2020), Urban Mixed Migration - Kuala Lumpur case study, boleh didapati di

<http://www.mixedmigration.org/resource/urban-case-study-kuala-lumpur/>

Mengenai laporan ini

Penerbitan ini dihasilkan dengan sokongan dana daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri kerajaan Denmark.

Laporan ini menyokong visi MMC bahawa polisi migrasi, tindak balas serta wacana awam adalah berdasarkan keterangan yang boleh dipercayai, pemahaman yang bernuansa terhadap migrasi bercampur, serta dengan menempatkan hak asasi manusia dan perlindungan setiap individu sebagai asas. Khususnya, laporan ini menyokong objektif strategik MMC yang kedua, yakni, untuk menyumbang kepada polisi migrasi dan perbahasan yang lebih bermaklumat serta bersandarkan keterangan.

Selepas memberikan gambaran menyeluruh yang ringkas berkenaan dinamik migrasi bercampur terkini di Kuala Lumpur dan kerangka polisi migrasi nasional, kajian kes ini meneroka dinamik migrasi bercampur berdasarkan tiga pendekatan bertema yang bersaling kait: 1) Kuala Lumpur sebagai sebuah kota yang mempunyai banyak peluang; 2) Kuala Lumpur sebagai sebuah kota yang mempunyai banyak risiko dan 3) Kuala Lumpur semasa pandemik COVID-19.

Selain kajian kes yang disertakan dalam laporan ini, MMC juga telah menjalankan kajian – kajian kes yang serupa di Bamako, Bogota, Nairobi dan Tunis. Kaedah kajian, sumber data serta struktur analisis yang dijalankan telah diselaraskan merentas semua kajian kes yang dijalankan bagi membolehkan pembaca melakukan perbandingan antara situasi khusus pelarian dan migran merentasi kota – kota tersebut.

Kajian – kajian kes yang lain tersebut boleh didapati di:

[Kajian kes urban di Bogota](#)

[Kajian kes urban di Nairobi](#)

[Kajian kes urban di Tunis](#)

[Kajian kes urban di Bamako](#)

Selain itu, laporan tahunan MMC edisi 2020, “Mixed Migration Review”, telah dihaskan bagi tema migrasi urban dan boleh didapati di:

[Mixed Migration Review 2020](#)

Maklumat dan pandangan yang dinyatakan dalam laporan ini adalah maklumat dan pandangan pengarang dan MMC dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi Danish Refugee Council (DRC) atau mana – mana penderma yang menyokong kerja – kerja MMC atau laporan ini. Tanggungjawab berkenaan kandungan laporan ini dipikul oleh MMC.

Berkekaan MMC

MMC adalah sebuah jaringan global yang mengandungi tujuh hab serantau (Asia, Afrika Timur & Yemen, Eropah, Timur Tengah, Amerika Utara, Afrika Barat dan Amerika Latin & Carribean) serta sebuah unit pusat di Geneva. MMC merupakan sumber utama bagi data, penyelidikan, analisis, serta kepakaran berkenaan migrasi bercampur yang bebas dan berkualiti tinggi.

Matlamat MMC adalah meningkatkan kefahaman berkenaan migrasi bercampur, memberikan impak positif terhadap polisi - polisi migrasi global dan serantau, memaklumkan tindak balas perlindungan berdasarkan keterangan untuk orang – orang yang sedang berhijrah, serta menggalakkan pemikiran ke hadapan dalam wacana awam dan perdebatan polisi berkenaan migrasi bercampur. Fokus keseluruhan MMC adalah hak asasi manusia dan perlindungan untuk semua orang yang sedang berhijrah.

MMC merupakan sebahagian daripada, dan ditadbir oleh, Danish Refugee Council (DRC). Kaitan keinstitutionian dengan DRC memberi jaminan bahawa kerja – kerja MMC berpasak terhadap realiti pengoperasian, namun, MMC bertindak sebagai sumber bebas bagi data, penyelidikan, analisis dan pembangunan polisi berkenaan migrasi bercampur untuk penggubal dasar, pengamal, wartawan, dan sektor kemanusiaan yang lebih luas. Posisi MMC tidak semestinya mencerminkan kedudukan DRC.

Untuk maklumat lanjut berkenaan MMC, layari laman web kami:

www.mixedmigration.org



**MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS
OF DENMARK**
Danida

Contents

| | |
|----|---|
| 03 | Penghargaan |
| 06 | Glosari |
| 07 | Senarai Rajah |
| 08 | Dapatan Utama |
| 11 | Pengenalan |
| 12 | Kaedah Kajian |
| 14 | Dinamik Migrasi Bercampur di Kuala Lumpur |
| 18 | Landskap polisi migrasi di Malaysia |
| 19 | Kuala Lumpur, migrasi dan peluang |
| 21 | Kuala Lumpur, migrasi dan risiko-risiko |
| 24 | Kuala Lumpur, migrasi dan COVID-19 |
| 27 | Kesimpulan dan cadangan |
| 26 | Lampiran – Temu bual yang dijalankan |

Glosari

| | |
|-----------------|--|
| Kerja 3D | : Pekerjaan otor, bahaya dan susah |
| 4Mi | : Inisiatif Mekanisme Pemantaun Migrasi Bercampur ("Mixed Migration Monitoring Mechanism Initiative") |
| CSO | : Organisasi Masyarakat Sipil |
| KII | : Temu bual pemberi maklumat utama ("Key informant interview") |
| KL | : Kuala Lumpur |
| PKP | : Perintah Kawalan Pergerakan |
| MMC | : Mixed Migration Center |
| MoU | : Memorandum persefahaman |
| NGO | : Pertubuhan bukan kerajaan |
| MKN | : Majlis Keselamatan Negara (Malaysia) |
| UNHCR | : Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa Bersatu Bagi Pelarian |

Senarai Rajah

| | |
|--|----|
| Jadual 1: Gambaran menyeluruh pengumpulan data kuantitatif | 13 |
| Rajah 1: Penumpuan pelarian dan migran di KL | 16 |
| Rajah 2: Apakah kesan daripada kehilangan pendapatan? | 24 |
| Rajah 3: Persepsi risiko perlindungan | 26 |

LAMPIRAN

| | |
|---|----|
| Jadual 2: Temu bual Pelarian dan Migran | 29 |
| Jadual 3: Temu bual ahli masyarakat sivil | 29 |

Dapatan Utama

Dinamik Migrasi Bercampur di Kuala Lumpur

- Kuala Lumpur (KL) sudah sekian lama menjadi destinasi tumpuan bagi pelarian dan migran terutamanya dari rantau Asia.
- Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya aliran migrasi ke KL seperti melarikan diri dari penindasan, konflik, keganasan dan kemiskinan, keinginan untuk bersatu dengan ahli keluarga, serta mencari prospek pekerjaan serta masa depan yang lebih baik atau kombinasi di antara faktor-faktor tersebut.
- Ramai pelarian dan migran yang ditemu bual di KL telah menetap dalam jangka masa yang sederhana dan panjang. Hal ini disebabkan oleh konflik yang berpanjangan yang menghalang pelarian untuk pulang ke negara asal, serta proses yang panjang bagi penempatan semula di negara ketiga. Kepada mereka yang mencari peluang pekerjaan di KL, kos migrasi ke Malaysia yang tinggi sering menyebabkan mereka terikat dengan hutang yang mengambil masa bertahun-tahun untuk dilangsaikan.
- Terdapat komuniti diaspora pelarian dan migran yang mapan di KL kerana sejarah KL yang panjang dalam menjadi tuan rumah kepada pelarian dan migran. Ahli-ahli komuniti ini telah membantu sesama mereka untuk mendapatkan kemudahan dan pekerjaan, termasuk menyediakan bimbingan dan sokongan lain. Situasi ini terlihat jelas khususnya ketika pandemic COVID-19.

Landskap Polisi Migrasi di Malaysia

- Pelarian ditakrifkan sebagai “pendatang tanpa izin” di bawah undang-undang Malaysia. Seperti kebanyakan negara di rantau ini, Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Oleh itu tiada kerangka undang-undang yang memberi perlindungan penuh untuk pelarian.
- Pelarian dan migran tanpa dokumen dikriminalisasi dibawah undang-undang kebangsaan. Isu-isu berkenaan migran dan pelarian dilihat sebagai isu pengurusan sempadan dan keselamatan negara. Migran tanpa dokumen termasuk pelarian tidak diberi kebenaran untuk terlibat di dalam pasaran buruh atau akses kepada perkhidmatan awam seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan percuma.
- Walaupun Malaysia mempunyai sejarah bertoleransi dalam menerima kehadiran pelarian dan migran ke suatu tahap tertentu, namun pelaksanaan dasar integrasi dan perpaduan sosial adalah terhad.

Kuala Lumpur, migrasi dan peluang

- KL memberikan kestabilan dan keselamatan yang lebih baik secara relatif kepada pelarian yang telah melarikan diri dari penganiayaan di negara asal, kerana KL tidak terkesan dengan konflik bersenjata, perang saudara dan bencana alam.
- Pertumbuhan ekonomi yang pesat di KL menyediakan peluang pekerjaan kepada pekerja asing, terutamanya dari negara-negara Asia yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi seperti Bangladesh, Indonesia dan India.
- KL secara relatifnya menyediakan akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan yang lebih baik daripada kebanyakan negara asal pelarian dan migran. Walaubagaimanapun, masih terdapat halangan yang ketara untuk mengakses perkhidmatan asas seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan di KL.
- Kehadiran UNHCR dan masyarakat sivil yang aktif telah memberi manfaat kepada pelarian di KL. Data 4Mi menunjukkan lebih daripada dua pertiga responden Rohingya di KL (n=78) telah menerima bantuan daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan UN semenjak bermulanya wabak COVID-19, terutama dari segi bantuan keperluan asas seperti makanan, air dan tempat tinggal.

Kuala Lumpur, migrasi dan risiko

- Walaupun terdapat banyak peluang ekonomi di KL, kos sara hidup yang tinggi dan pendapatan yang rendah menyebabkan pelarian dan migran masih bergelut dengan kemiskinan untuk memenuhi keperluan asas mereka. Selain itu, terdapat juga halangan budaya dan sosial kepada wanita untuk terlibat di dalam pasaran kerja. Berdasarkan data 4Mi, lebih daripada separuh responden perempuan (n=41) tidak memperoleh sebarang pendapatan sejak sebelum krisis COVID-19, manakala selebihnya telah kehilangan pendapatan disebabkan wabak ini.
- Penderaan dan eksploitasi terhadap pekerja migran dan pelarian seperti tempoh masa bekerja yang melampau, tiada kontrak pekerjaan, pengurangan gaji, dan pemerdagangan manusia telah direkod dan didokumentasi dengan baik. Kos migrasi yang tinggi ke Malaysia juga boleh membawa kepada perhambaan atau ikatan hutang dan peningkatan risiko untuk dieksploitasi.
- Akses kepada hak undang-undang dan dokumentasi merupakan salah satu keperluan yang paling penting buat pelarian dan migran yang tidak sah. Hal ini telah menjadi masalah dan jelas terlihat sepanjang krisis COVID-19 dimana pelarian dan migran tanpa dokumen takut untuk keluar daripada rumah, walaupun bagi mendapatkan rawatan perubatan atau membeli barang keperluan asas, kerana takut ditangkap dan ditahan.

Kuala Lumpur, migrasi dan COVID-19

- COVID-19 telah mengurangkan akses kepada pekerjaan secara signifikan dan memburukkan masalah kemiskinan dikalangan pelarian dan migran serta meningkatkan masalah kehilangan tempat tinggal. Seperti yang dilaporkan dalam data 4Mi, ramai diantara responden-responden yang kehilangan pendapatan disebabkan COVID-19 (n=61) tidak mampu memperoleh barang keperluan asas (53 maklumbalas) dan kehilangan tempat tinggal (40 maklumbalas). Responden responden 4Mi juga melaporkan peningkatan risiko eksploitasi pekerja ketika pandemik ini.
- COVID-19 juga telah memburukkan lagi diskriminasi dan xenofobia yang sedia ada. Sejak permulaan pandemik ini, kerajaan Malaysia – secara retorik dan terbuka - telah mengaitkan pelarian dan migran dengan penyebaran Covid-19. Walaupun ini memberi kesan kepada pelarian dan migran secara umum, pelarian Rohingya telah disasarkan secara spesifik. Sebagai contoh, terdapat petisyen dalam talian yang mendesak agar orang Rohingya diusir atau dihantar pulang ke Myanmar.
- Sejak bulan Mei 2020, COVID-19 telah digunakan untuk mewajarkan tindakan penangkapan, penahanan dan pengusiran pelarian dan migran tanpa dokumen. Hampir kesemua responden dalam kajian 4Mi bersetuju bahawa COVID-19 telah meningkatkan risiko mereka untuk ditangkap, ditahan dan diusir secara sewenang-wenangnya. Selain itu, pelarian dan migran yang ditemu bual melaporkan bahawa mereka tidak dapat keluar dari rumah, walaupun untuk mendapatkan perkhidmatan penting kerana takut ditangkap.

KUALA LUMPUR



1. Pengenalan

Sejak beberapa dekad yang lalu, Kuala Lumpur (KL)¹ telah menjadi bandar tumpuan bagi beratus ribu pelarian dan migran khususnya dari dalam Asia. Kajian ini meneliti peluang dan cabaran semasa yang dihadapi oleh pelarian dan migran di KL, dengan tumpuan khusus terhadap pengalaman warganegara Bangladesh dan etnik Rohingya. Rohingya mewakili jumlah tertinggi populasi pelarian di Malaysia. Selain mencari tempat perlindungan, mereka juga datang ke Malaysia untuk mencari peluang yang lebih baik dan selamat. Warganegara Bangladesh pula mewakili kadar besar pekerja migran yang datang ke Malaysia untuk melepaskan diri daripada kemiskinan, perubahan iklim dan persekitaran serta mencari peluang yang lebih baik. Kajian ini tepat pada masanya memandangkan tindak balas imigresen baru-baru ini yang membimbangkan dan menimbulkan pelbagai risiko perlindungan terhadap pelarian dan migran di Malaysia. Bermula dengan latar belakang kontekstual migrasi ke KL dan gambaran menyeluruh kerangka dasar migrasi di Malaysia, kajian kes ini meneroka dinamik migrasi bercampur terkini di KL berdasarkan tiga pendekatan bertema yang bersaling kait: 1) KL sebagai sebuah kota yang mempunyai banyak peluang; 2) KL sebagai sebuah kota yang mempunyai banyak risiko dan 3) KL semasa pandemik COVID-19. Kajian kes ini memanfaatkan data 4Mi oleh MMC dan juga temu bual mendalam dengan migran, pelarian dan ahli masyarakat sivil.

Kuala Lumpur, migrasi dan peluang

KL mempunyai kepadatan pelarian dan migran yang tertinggi di Malaysia disebabkan sejarah panjang dalam menerima pelarian dan migran, perkhidmatan yang mudah diakses, serta peluang pekerjaan yang banyak di dalam bandar. Kajian kes ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam motivasi pelarian dan migran untuk datang dan tinggal di KL serta peluang-peluang yang mereka temui di sini. Kajian kes ini meneliti bagaimana mereka menyokong antara satu sama lain, dan bagaimana mereka dibantu oleh masyarakat sivil di KL, serta sumbangan mereka kepada kota ini.

Kuala Lumpur, migrasi dan risiko

Walaupun terdapat banyak peluang di KL, kerangka perundangan yang sedia ada hampir tidak memberikan sebarang perlindungan kepada pelarian dan migran tanpa dokumen yang sah atau hak bekerja. Khususnya, pelarian yang melarikan diri daripada dianiaya diklasifikasikan sebagai 'pendatang asing tanpa izin' di bawah undang-undang Malaysia dan tidak dibenarkan bermastautin secara tetap, memperoleh pekerjaan tetap dan mengakses perkhidmatan asas termasuk penjagaan

kesihatan dan pendidikan. Ini menyebabkan mereka hidup dalam keadaan yang tidak menentu sementara menunggu lama bagi penempatan semula ke negara ketiga. Selain itu, ramai migran yang datang mencari peluang yang lebih baik di KL, tiba dengan status tidak sah atau kemudiannya berstatus tidak sah. Risiko penderaan dan eksploitasi terhadap mereka adalah tinggi². Di KL, kedua-dua pelarian dan migran yang tidak sah berdepan dengan risiko penangkapan, penahanan atau pengusiran pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa. Bahagian ini turut mengkaji bagaimana mereka yang berbeza status undang-undang (termasuk pelarian, migran yang sah dan tidak sah) dan jantina berkemungkinan mengalami tahap risiko yang berbeza.

Kuala Lumpur, migrasi dan COVID-19

Berkait dengan perkara di atas, kesan pandemik Covid-19 terhadap pelarian dan migran yang tinggal di KL amat penting untuk diambil kira bagi memahami kedua-dua risiko dan peluang-peluang pada masa kini. COVID-19 merupakan satu faktor penting yang telah memburukkan lagi kerentanan yang sedia ada dan membawa kepada perubahan mendadak terhadap reaksi dan polisi migrasi di KL. Walaupun kerajaan Malaysia pada mulanya menangani pandemik ini dengan langkah-langkah positif seperti saringan percuma untuk pelarian Rohingya di Selayang, reaksi awal kerajaan Malaysia menghadapi wabak ini adalah positif seperti menyediakan saringan percuma kepada pelarian Rohingya di Selayang, situasi tersebut telah merosot secara berperingkat. Sejak bulan Mei 2020, secara meningkat, retorik kerajaan dan wacana awam telah menggambarkan menggambarkan pelarian dan migran sebagai punca penularan virus, secara langsung mengapi-apikan diskriminasi dan ucapan benci serta menjadi asas bagi penangkapan, penahanan dan pengusiran ribuan pelarian dan migran tanpa dokumen. Sementara itu, penutupan sementara industri-industri penting buat pekerja migran serta sektor informal telah mengakibatkan ramai pekerja migran dan pelarian kehilangan pekerjaan manakala kemiskinan meningkat ketika pandemik. Kajian kes ini mempertimbangkan krisis COVID-19 dan bagaimana krisis tersebut telah bertindak sebagai pengganda risiko dan ancaman.

1 Dalam kajian kes ini, Kuala Lumpur ditakrifkan sebagai Kuala Lumpur Besar yang merangkumi pusat bandar Kuala Lumpur dan kawasan bandar sekitarnya. Lihat Invest KL (2016). *Greater Kuala Lumpur: The Regional headquarters location for multinational companies in Asia*
2 The New Humanitarian (2020). *Fear and uncertainty for refugees in Malaysia as xenophobia escalates*

2. Kaedah Kajian

Pemilihan populasi sasaran

Kajian kes ini meneroka peluang dan cabaran semasa yang dihadapi oleh pelarian dan migran yang tinggal di KL dengan memberi tumpuan pada pengalaman masyarakat Rohingya dan Bangladesh. Kedua-dua populasi ini dipilih kerana beberapa sebab. Rohingya adalah kumpulan pelarian terbesar di Malaysia dan walaupun tujuan utama mereka adalah mencari perlindungan, mereka juga datang ke Malaysia melalui pergerakan sekunder dari negara-negara tuan rumah lain seperti Bangladesh, Thailand dan Indonesia, untuk mencari peluang yang lebih selamat dan lebih baik untuk diri dan keluarga mereka. Warganegara Bangladesh pula mewakili sebilangan besar pekerja migran yang datang ke Malaysia melalui saluran rasmi dan tidak rasmi untuk melepaskan diri daripada kemiskinan, perubahan iklim dan persekitaran serta mencari peluang pekerjaan dan pendidikan yang lebih baik. Pelarian Rohingya dan migran Bangladesh sering terlibat dalam kerja 3D (kotor, bahaya dan susah) dan berdepan dengan risiko pemerdagangan manusia dan pengeksploitasian yang tinggi. Kedua-dua kumpulan ini memberikan keratan rentas kehidupan pelarian and pendatang asing yang menarik di KL. Walaupun terdapat persamaan dalam pengalaman yang ditempuhi oleh kedua-dua kumpulan ini seperti risiko yang berkait dengan status yang tidak sah serta halangan terhadap akses kepada perkhidmatan penting, terdapat perbezaan penting yang perlu diberi perhatian. Sebahagian besar migran Bangladesh datang ke Malaysia untuk mencari peluang pekerjaan, manakala Rohingya merupakan pelarian yang melarikan diri daripada penganiayaan. Oleh itu, Rohingya perlu diberikan perlindungan antarabangsa menurut Konvensyen Pelarian 1951 dan menurut prinsip "non-refoulement" di bawah undang-undang antarabangsa hak asasi manusia, mereka tidak patut dihantar semula ke negara asal mereka.

Warganegara Bangladesh mempunyai sejarah migrasi yang panjang ke Malaysia, kebanyakannya didorong oleh kadar pengangguran yang tinggi di Bangladesh ditambah dengan permintaan yang tinggi untuk pekerja berkemahiran rendah di Malaysia. Sejak Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 2012, majoriti tenaga kerja dalam sektor

perladangan dan pembinaan di Malaysia adalah terdiri daripada warganegara Bangladesh³. Namun, kos yang tinggi bagi migrasi dari Bangladesh ke Malaysia telah menyebabkan ramai pekerja dibebani dengan hutang dan menyebabkan mereka terjerat dalam perhambaan hutang kepada perekrut atau majikan mereka⁴. Warganegara Bangladesh yang berhijrah melalui saluran yang tidak sah datang ke Malaysia dengan menggunakan visa pelancong hanya untuk tinggal melebihi masa yang dibenarkan dan bekerja tanpa dokumen, sekaligus menggandakan kerentanan mereka terhadap penderaan, eksploitasi, penangkapan dan pengusiran.

Sementara itu, pelarian Rohingya tiba di Malaysia semenjak akhir 1970-an untuk mencari perlindungan daripada penganiayaan yang berterusan di Myanmar⁵. Ketibaan mereka di Malaysia meningkat secara berterusan sejak kemuncak krisis Rohingya pada tahun 2017 yang menyebabkan perpindahan paksa seramai hampir 1 juta orang – pergerakan pelarian yang terbesar di Asia⁶. Walaupun terdapat lebih daripada 700,000 pelarian Rohingya yang kini ditempatkan di kem pelarian di Cox's Bazar, Bangladesh⁷, ramai daripada mereka telah menuju ke Malaysia bagi mendapatkan akses kepada perkhidmatan dan peluang pekerjaan yang lebih baik, keselamatan, serta bersatu dengan ahli keluarga mereka. Daripada aspek sejarah, pendekatan tidak konsisten oleh Malaysia terhadap Rohingya yang sebahagian besarnya merupakan Muslim, telah mewujudkan toleransi walaupun secara tidak ikhlas terhadap mereka. Ini menyebabkan wujudnya satu komuniti Rohingya yang kukuh di Malaysia di mana lebih daripada 100,000 Rohingya kini tinggal di Malaysia⁸. 75% daripada mereka yang berdaftar dengan UNHCR tinggal di KL, Selangor, Pulau Pinang dan Johor⁹. Namun, kekurangan sistem suaka di Malaysia telah menyisihkan pelarian Rohingya daripada perlindungan di bawah undang-undang kebangsaan dan mendedahkan mereka terhadap pelbagai risiko. Sentimen anti-Rohingya yang timbul baru-baru ini ketika Covid-19 telah memacu operasi imigresen di seluruh negara dan memberi impak yang signifikan terhadap komuniti Rohingya serta mempunyai kesan sampingan terhadap kumpulan pelarian dan migran lain di Malaysia¹⁰.

3 Menurut MoU (Memorandum Persefahaman), calon pekerja migran boleh mendaftar untuk bekerja di Malaysia sehingga 5 tahun. Perjanjian ini mengutamakan pekerja ladang tetapi turut termasuk sektor lain. Gaji minimum bulanan untuk mereka yang bekerja di bawah MoU ialah 900 Ringgit Malaysia, bersamaan dengan USD 216. Lihat IPCS (2013). Malaysia: MoU with Bangladesh on Manpower Export

4 Pada tahun 2018, sindiket 10 orang ejen Bangladesh didapati memonopolikan pengambilan pekerja dengan mengenakan bayaran sehingga 400,000 taka Bangladesh (kira-kira USD 4,700). Lihat VOA News (2019), Malaysia Readies New Deal for Bangladesh's Fleeced Migrant Workers

5 Kassim, A. (2015). Transnational Marriages among Muslim Refugees and Their Implications on Their Status and Identity: The Case of the Rohingyas in Malaysia

6 ReliefWeb (2020). Refugees/Migrants – Southeast Asia

7 OCHA (2020). Rohingya Refugee Crisis

8 UNHCR (2020). Figures at a Glance – Malaysia

9 German Development Institute (2018). (Re)negotiating Refugee Protection in Malaysia: Implications for Future Policy in Refugee Management

10 Malaymail (2020). Over 100 UN cardholder refugees in KL facing eviction amid immigration crackdown on undocumented migrants

Data dan Kaedah Kajian

Kajian kes ini menggunakan data kuantitatif dan kualitatif. Data primer diperoleh melalui temu bual mendalam dan tinjauan yang dilakukan oleh 4Mi dengan migran dan pelarian di KL. Data ini dilengkapi dengan kajian literatur menggunakan berbagai sumber sekunder dan temu bual mendalam dengan ahli masyarakat sivil.

Apa itu Inisiatif Mekanisme Pemantauan Migrasi Bercampur (4Mi)?

Ditubuhkan pada tahun 2014, 4Mi adalah satu rangkaian pemantau lapangan yang unik, di laluan yang sering digunakan dan di pusat-pusat penghijrahan yang utama. Objektif 4Mi adalah menawarkan satu sistem pengumpulan data primer berkenaan migrasi bercampur yang kerap, standard, kuantitatif dan global. Kaedah utama yang digunakan oleh 4Mi adalah tinjauan soalan tertutup bagi mempelawa responden-responden melaporkan dengan sendiri, tanpa nama, mengenai pelbagai isu. Ini menghasilkan jumlah data yang ekstensif berkenaan dengan profil-profil individu, pemacu migrasi, kaedah dan keadaan pergerakan, ekonomi penyeludupan, aspirasi dan destinasi pilihan. Data 4Mi membolehkan MMC dan rakan-rakan mengeluarkan cadangan berkenaan polisi migrasi, debat, dan respons perlindungan kepada individu yang sedang bergerak melalui penghasilan analisa kuantitatif berkualiti tinggi berdasarkan keterangan.

Data kuantitatif

Menyerusi Tinjauan Migrasi COVID 4Mi¹¹, MMC Asia telah menemu bual Rohingya dan warganegara Bangladesh di Malaysia sejak Mei 2020 bagi memahami pengalaman migrasi dan keperluan mereka ketika pandemik COVID-19 dengan lebih mendalam. Data kuantitatif bagi kajian ini diperoleh daripada temu bual 4Mi yang diimplementasikan di negeri Johor, Kedah, Kelantan, Kuala Lumpur, Melaka, Pahang dan Pulau Pinang di Malaysia. Set-set data telah diekstrak bagi KL untuk tempoh masa Mei sehingga Ogos 2020 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 101 pemerhatian¹², termasuk 23 responden Bangladesh dan 78 responden Rohingya¹³. Lebih daripada separuh responden Rohingya adalah wanita, manakala kebanyakan responden Bangladesh adalah lelaki (96%)¹⁴.

Pengumpulan Data Kualitatif

Walaupun banyak aspek penting berkenaan kehidupan Rohingya dan warganegara Bangladesh di KL telah diperoleh melalui Tinjauan Migrasi Covid 4Mi, pemeriksaan kualitatif yang lebih mendalam akan memberikan manfaat dalam memahami banyak aspek, terutamanya pengalaman didiskriminasi dan risiko perlindungan. 10 temu bual mendalam - 3 temu bual dengan responden-responden Rohingya, 3 temu bual dengan responden-responden Bangladesh¹⁵ dan 4 temu bual dengan ahli masyarakat sivil (2 pegawai NGO dan 2 advokat pelarian dan migran) – membentuk sebahagian daripada kajian ini bagi mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif berkenaan dinamik migrasi bercampur di KL¹⁶.

Proses merekrut responden-responden pelarian dan migran telah dilakukan melalui 2 pemantau 4Mi (1

Jadual 1: Gambaran menyeluruh pengumpulan data kuantitatif

| Instrumen Pengumpulan Data | Kumpulan Sasaran | Bilangan Responden |
|---|-----------------------------|-----------------------|
| Temu bual dengan pemberi maklumat utama | Wakil NGO | 2 |
| | Advokat pelarian dan migran | 2 |
| Temu bual dengan pelarian dan migran | Rohingya | 2 perempuan, 1 lelaki |
| | Bangladeshi | 3 lelaki |

11 Sejak April 2020, MMC telah menyesuaikan program 4Mi untuk menilai kesan Covid-19 terhadap pelarian dan migran. Oleh itu, pengumpulan data telah beralih ke peserta jauh dan tinjauan dilakukan melalui telefon. Lihat Mixed Migration Centre (2020). MMC adapts its 4Mi program to assess the impact of COVID-19 on refugees and migrants.

12 Responden dalam tinjauan 4Mi memenuhi ciri-ciri berikut: (i) berumur 18 tahun ke atas, (ii) tiba di Malaysia dalam masa 24 bulan, (iii) merupakan warganegara Bangladesh atau Myanmar.

13 Sejak Julai 2020, MMC telah melaksanakan tinjauan Covid-19 4Mi yang disemak semula dengan penekanan kepada kesan Covid-19 terhadap perjalanan migrasi dan risiko perlindungan. Soalan yang sama daripada tinjauan yang disemak ulang (dilaksanakan pada Julai-Ogos 2020, n=48), telah digabungkan, dikodkan apabila sesuai dengan tinjauan 4Mi yang sebelumnya (dilaksanakan di May-June, n=53) untuk kajian kes ini.

14 Sebahagian besar responden dari Bangladesh adalah lelaki mencerminkan bilangan tinggi jumlah lelaki pendatang Bangladesh berbanding wanita, di Malaysia. Lihat <http://www.data.gov.my/data/dataset/jumlah-pekerja-asing-plks-aktif-mengikut-jantina-dan-negara-sumber/resource/e5353b72-0b63-4f3a9b39-047c513952c5>

15 Kriteria untuk memilih responden KII adalah sama seperti untuk tinjauan 4Mi.

16 Disebabkan situasi Covid-19, semua wawancara mendalam telah dilaksanakan melalui telefon oleh penyelidik MMC-Asia menggunakan cara snowballing. Semua maklumat peribadi mengenai peserta telah dikeluarkan.

daripada komuniti Bangladesh dan 1 lagi daripada komuniti Rohingya). Pemantau-pemantau tersebut telah mendapatkan peserta menerusi jaringan komuniti yang sedia ada dengan menggunakan persampelan mudah. Temu bual dijalankan melalui aplikasi WhatsApp dan pemantau-pemantau telah membantu dalam penterjemahan.

Temu bual mendalam dengan ahli masyarakat sivil termasuk pekerja NGO dan advokat pelarian/migran turut dikendalikan menerusi aplikasi WhatsApp. Temu bual tersebut dijalankan untuk melengkapkan maklumat yang diperolehi secara terus daripada pelarian dan migran serta mendapatkan pandangan tambahan berkenaan pencabulan hak pada masa kini serta saranan berkenaan polisi yang diinginkan. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam memilih peserta untuk ditemu bual.

Sumber Sekunder

Sumber sekunder telah dirujuk terutamanya untuk mendapatkan maklumat mengenai dinamik migrasi di KL dan Malaysia, dasar-dasar kerajaan Malaysia, dan respon kebangsaan terhadap pandemic COVID-19. Sumber-sumber ini turut merangkumi kaji selidik akademik, laporan media, dokumen-dokumen kerajaan,

literatur kelabu, dan statistik serta data dari NGO and organisasi antarabangsa.

Etika dan Batas Kajian

Beberapa batasan berkenaan data patut diperhatikan. Memandangkan proses pensampelan 4Mi tidak dilakukan secara rawak, maklum balas yang diperolehi melalui tinjauan ini tidak mewakili keseluruhan populasi pelarian dan migran di KL. Selain itu, maklum balas tersebut tidak dapat disahkan secara bebas, dan bias respons mungkin menjadi faktor. Namun, penemuan daripada tinjauan tersebut dapat memberikan gambaran penting mengenai situasi semasa yang dihadapi oleh pelarian dan migran di KL.

Persetujuan termaklum dan kerahsiaan identiti telah dinyatakan dengan jelas kepada responden-responden sebelum, semasa dan selepas temu bual. Memandangkan risiko tinggi yang dihadapi oleh pelarian, migran, dan wartawan di Malaysia seperti yang boleh dilihat melalui beberapa penangkapan yang dilakukan terhadap wartawan, keselamatan pemantau dan responden-responden diberikan keutamaan. Semua maklumat peribadi telah dikeluarkan dan disahkan dengan teliti dengan responden-responden sebelum penerbitan.

3. Dinamik Migrasi Bercampur di Kuala Lumpur

Sejarah ringkas migrasi ke Malaysia

Migrasi ke Malaysia mempunyai jalan sejarah yang panjang. Ketika zaman pemerintahan kolonial oleh British, migran dari China dan India berhijrah ke Malaysia untuk memenuhi kekurangan tenaga kerja dalam sektor perladangan, perlombongan serta sektor-sektor ekonomi yang lain¹⁷. Kemudian, apabila proses perindustrian Malaysia menjadi sangat bergantung kepada industri-industri berorientasikan eksport dan tenaga kerja yang intensif, pengambilan pekerja asing telah menjadi satu strategi pembangunan yang penting. Kini, permintaan yang tinggi bagi pekerja asing berkemahiran rendah masih berterusan dan polisi visa terbuka menjadikan Malaysia sebuah destinasi yang menarik bagi pekerja migran di rantau ini. Ini termasuklah migran yang datang ke Malaysia menerusi saluran yang sah dengan permit pekerjaan dan juga migran yang tiba dan/atau bekerja secara tidak sah di sisi undang-undang.

Tambahan pula, walaupun Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951, dari segi

sejarah Malaysia merupakan satu tempat selamat bagi pelarian yang melarikan diri daripada penganiayaan di rantau ini. Pada tahun 1970-an, pelarian Vietnam telah melarikan diri daripada Perang Vietnam dan telah ditempatkan oleh Malaysia sebelum dihantar pulang¹⁸. Selain itu, dalam tempoh yang sama, pelarian Filipina dari Mindanao telah datang ke Malaysia dan diberikan permit kediaman. Dalam kedua-dua kes tersebut, pelarian-pelarian tersebut pada mulanya telah ditempatkan di kem-kem pelarian dan dibekalkan dengan keperluan asas yang ditadbir oleh UNHCR. Etnik Cham yang melarikan diri dari Cambodia dalam tahun 1970-an dan warganegara Bosnia yang datang ke Malaysia pada tahun 1990-an telah diberikan pilihan untuk menetap. Dalam tahun 2005, orang-orang Aceh yang melarikan diri daripada keganasan etnik di Indonesia turut diberikan penempatan sementara.¹⁹ Baru-baru ini, Malaysia yang bermajoriti Muslim telah menjadi destinasi perlindungan utama bagi pelarian-pelarian Muslim yang melarikan diri daripada penganiayaan oleh negara-negara seperti Myanmar, Afghanistan, Yemen, dan Palestine.²⁰

17 Kaur, A (2008). [International Migration and Governance in Malaysia: Policy and Performance](#)

18 German Development Institute (2018). [\(Re\)negotiating Refugee Protection in Malaysia: Implications for Future Policy in Refugee Management](#)

19 ibid

20 UNHCR (2020). [Figures at a Glance – Malaysia](#).

Ciri-ciri migrasi di Kuala Lumpur

Sebagai pusat pentadbiran dan perindustrian Malaysia, KL telah lama menjadi destinasi yang menarik untuk pelarian dan migran yang menetap di Malaysia.

Dengan populasi urban sebanyak lebih daripada 7 juta orang,²¹ KL dan persekitaran sekelilingnya merupakan kawasan urban yang paling besar dan mempunyai paling banyak industri yang dikembangkan secara meluas. KL mempunyai kepadatan pelarian dan migran yang tertinggi di Malaysia disebabkan sejarah panjang dalam menerima pelarian dan migran, perkhidmatan yang mudah diakses, serta peluang pekerjaan yang banyak di dalam bandar. Satu kajian dalam tahun 2014 telah menganggarkan bahawa terdapat lebih daripada 2.5 juta migran yang didokumentasikan dan sekitar satu sehingga dua juta migran yang tidak didokumentasikan di KL,²² sebahagian besarnya dari negara-negara sekitar yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi seperti Indonesia, Bangladesh, Nepal, Myanmar, dan India²³. KL juga mempunyai jumlah pelarian serta pencari suaka yang besar di mana pusat bandar KL sahaja kini menempatkan hampir 28,000 pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR yang sebahagian besarnya orang-orang Rohingya dari Myanmar²⁴.

Pelarian dan migran di KL adalah pelbagai

Pelarian dan migran yang tinggal di KL datang daripada pelbagai latar belakang. Terdapat berbagai faktor yang memacu migrasi mereka termasuklah melarikan diri daripada penganiayaan, konflik, keganasan, dan kemiskinan, keinginan untuk bersatu dengan ahli keluarga, serta mencari prospek pekerjaan serta akses kepada pendidikan yang lebih baik atau kombinasi di antara faktor-faktor tersebut. Pelarian dan migran juga terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan kebudayaan, walaupun mereka datang daripada negara atau rantau yang sama. Contohnya, pelarian dari Myanmar terdiri daripada orang-orang Muslim beretnik Rohingya dan orang-orang Kristian beretnik Chin, serta kumpulan etnik dan kumpulan agama yang lain. Kepelbagaian populasi pelarian dan migran di KL mencerminkan kepelbagaian bandar raya itu sendiri yang terdiri daripada masyarakat berbilang etnik dan agama yang mewakili kepelbagaian populasi di Malaysia.

Selain itu, kumpulan pelarian dan migran di KL turut mempunyai kepelbagaian demografik yang mencerminkan kepelbagaian konteks migrasi bagi kumpulan-kumpulan yang berbeza. Sebagai contoh, terdapat nisbah tinggi lelaki Bangladesh yang bekerja

dan menetap serta menghantar wang untuk keluarga mereka di Bangladesh. Manakala populasi pelarian Rohingya pula mengandungi lebih banyak wanita dan kanak-kanak yang mencari perlindungan dan keselamatan jangka masa panjang daripada konflik yang berterusan di Rakhine, atau keadaan yang bertambah teruk di kem-kem pelarian di Cox's Bazaar. Walaupun pemacu migrasi mereka mungkin amat berbeza, faktor-faktor yang menjadi tarikan bagi migran dan pelarian untuk datang ke KL adalah serupa.

Migran dan pelarian berada di KL untuk jangka masa sederhana ke jangka masa yang panjang

Antara mereka yang telah ditemu bual, pelarian dan migran melaporkan bahawa mereka berniat untuk menetap di KL bagi jangka masa sederhana ke jangka masa panjang. Menurut data daripada tinjauan 4Mi, lebih separuh daripada responden-responden telah berada di Malaysia selama 12-24 bulan,²⁵ dan lebih daripada 60%(n=101) melaporkan bahawa Malaysia merupakan destinasi tujuan yang terakhir.

KII dengan pelarian Rohingya dan anggota masyarakat sivil menunjukkan beberapa sebab mengapa pelarian Rohingya memilih untuk menetap bagi tempoh masa yang lebih lama di KL. Pertamanya, proses penempatan semula yang mengambil masa yang panjang telah menyebabkan pelarian dan pencari suaka terpaksa menetap untuk tempoh yang lebih lama.²⁶ Kedua, memandangkan pejabat UNHCR kini berada di KL, ramai pencari suaka melaporkan keinginan untuk menetap di tempat yang berhampiran sementara menunggu keputusan permohonan dan penempatan semula. Akhirnya, konflik yang berterusan di Rakhine dan penganiayaan tanpa henti yang dihadapi oleh Rohingya di Myanmar menghalang kepulungan yang selamat.²⁷

“Kadangkala saya berharap untuk pulang ke Rakhine apabila keadaan menjadi lebih baik, hanya apabila tiada lagi pembunuhan, tiada penganiayaan, tiada pengusiran, dan hanya jika saya dapat meneruskan kehidupan seperti kumpulan etnik yang lain di Myanmar.”

Wanita Rohingya berusia 25 tahun yang ditemu bual di KL, Malaysia

21 UN (2018). [The World's Cities in 2018](#)

22 Juzwiak, T. et al (2014). [Migrant and refugee integration in global cities: the role of cities and businesses](#)

23 Government of Malaysia (2020). [Number of Foreign Workers by 30 June](#)

24 UNHCR (2020). [Figures at a Glance – Malaysia](#)

25 Tinjauan 4Mi mensasarkan responden yang tiba di Malaysia dalam jangka masa 24 months secara khusus.

26 IWRRAW (2019). [When Illegality is the Starting Point: Refugees and Domestic Violence in Malaysia](#)

27 The New Humanitarian (2020). [Why we Rohingya refugees risk our lives at sea](#)

“Saya berharap agar keselamatan orang-orang Rohingya terjamin supaya kami dapat hidup secara bermaruah dengan hak-hak asasi di Rakhine. Buat masa kini, saya tidak boleh pulang.”

Lelaki Rohingya berusia 28 tahun yang ditemu bual di KL, Malaysia

Sementara itu, warganegara Bangladesh melaporkan bahawa mereka berniat untuk menetap di Malaysia selama beberapa tahun supaya dapat memperoleh pendapatan yang cukup untuk melangsaikan hutang yang berpunca daripada yuran migrasi yang tinggi sebelum mereka pulang. Satu kajian oleh ILO pada tahun 2014 menganggarkan bahawa secara purata, seseorang pekerja migran dari Bangladesh terpaksa menghabiskan antara 250,000-300,000 Taka Bangladesh (lebih kurang 3,000 USD – 3,600 USD) bagi proses pengambilan pekerja dan migrasi ke Malaysia.²⁸ KII bersama 2 migran Bangladesh yang tidak berdokumen sah melaporkan bahawa mereka terkandas di KL kerana kekurangan dokumen mereka menghadkan pergerakan mereka dalam Malaysia dan juga menghalang perjalanan mereka untuk pulang atau menuju ke negara yang lain.


“Sekarang ini, beberapa penyeludup di negara asal kami ada memberi pinjaman wang untuk perantauan. Wang tersebut perlu dibayar semula dengan kadar faedah yang kadang-kadang melebihi 2 kali ganda”

Lelaki Rohingya berusia 28 tahun, responden 4Mi di KL, Malaysia

Dalam lingkungan bandar, pelarian dan migran menetap berhampiran dengan tempat yang mempunyai peluang pekerjaan serta jaringan sosial masing – masing

Penempatan pelarian dan migran tersebar merentasi KL. Namun komuniti-komuniti pelarian dan migran terbentuk secara lebih khusus di kawasan Cheras, Ampang, dan Selayang.²⁹ KII dengan komuniti Rohingya menunjukkan bahawa kewujudan rakan-rakan dan ahli keluarga merupakan faktor penting dalam mencari dan menentukan kawasan tempat tinggal mereka. Bagi warganegara Bangladesh yang mencari peluang pekerjaan di KL pula, lokasi tempat tinggal adalah lebih bergantung kepada tempat kerja, di mana sejumlah besar warganegara Bangladesh berpusat di sekitar tapak pembinaan atau ladang-ladang, misalnya.

Rajah 1 – Penumpuan pelarian dan migran di KL Besar



28 ILO (2014). [The cost: Causes and potential redress for high recruitment and migration costs in Bangladesh](#)

29 MalayMail (2020). [Don't blame us for spreading Covid-19 in Selayang, migrant workers plead](#)

Situasi kehidupan pelarian dan migran di KL membezakan mereka daripada pelarian dan migran yang menetap di tempat-tempat lain di Malaysia. Menurut KII dengan seorang ahli masyarakat sivil dan seorang migran Bangladesh, pelarian dan migran di luar KL lebih cenderung untuk hidup berasingan kerana kos kehidupan dan kepadatan penduduk yang lebih rendah, serta jumlah pelarian dan migran yang lebih kecil. Sebaliknya, sebanyak 2-3 buah keluarga pelarian melaporkan bahawa mereka berkongsi sebuah pangsapuri disebabkan kadar sewa yang tinggi di KL. Manakala, jarak antara tempat tinggal ke tempat kerja merupakan faktor utama bagi pekerja migran dalam memutuskan pilihan tempat tinggal di KL.³⁰ Ramai pekerja migran yang tinggal di asrama dan dormitari yang sesak serta melebihi kapasitinya, yang kadangkala disediakan oleh pihak majikan mereka.³¹

Sejarah migrasi ke KL yang panjang bermaksud wujudnya komuniti-komuniti diaspora yang kukuh

Seperti yang dinyatakan di atas, pelarian dan migran telah lama menetap di KL dan membentuk komuniti yang mempunyai jaringan sosial dan sokongan yang kukuh. Selain daripada lokasi tempat tinggal pelarian dan migran, rasa kemasyarakatan dapat dilihat melalui struktur sokongan komuniti yang kuat. Ini termasuklah organisasi-organisasi komuniti yang mengurus dan memudahkan sambutan perayaan dan kebudayaan serta sokongan dan bantuan.

“Kami mempunyai sebuah masyarakat yang menyeluruh di sini. Ini lebih baik daripada hidup di kawasan yang berlainan kerana dengan adanya komuniti, kami berasa lebih mudah dan kurang takut. Kami dapat duduk bersama dengan ahli komuniti kami dan ini membuatkan kami berasa gembira dan mengingatkan kami kepada kampung halaman kami. Kami juga hidup secara damai dengan migran daripada kumpulan etnik yang lain, seperti warganegara Bangladesh di sini.”

Lelaki Rohingya berusia 28 tahun yang ditemu bual di KL, Malaysia

“Setiap komuniti pelarian dan migran mempunyai kebudayaan mereka yang khusus. Mereka datang dan menetap di sini bersama dengan kumpulan daripada komuniti yang sama. Mereka mempunyai makanan dan pakaian mereka yang tersendiri. Ikatan etnik mereka adalah amat kuat. Mereka sering berkumpul untuk merayakan sesuatu majlis bersama. Mereka turut berinteraksi dengan komuniti setempat yang menerima mereka.”

Advokat pelarian dan migran yang ditemu bual di KL, Malaysia

Komuniti diaspora yang kukuh di KL amat penting khususnya ketika krisis. Sebagai contoh, ketika pandemik COVID-19, warganegara Bangladesh yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka bergantung terutamanya kepada sokongan ahli komuniti mereka untuk mendapatkan pinjaman wang ketika kecemasan akibat kehilangan kerja serta mendapatkan maklumat mengenai COVID-19. KII bersama Rohingya dan warganegara Bangladesh serta ahli masyarakat sivil turut menunjukkan bahawa jaringan sosial merupakan saluran yang paling biasa digunakan di kalangan pelarian dan migran untuk mencari pekerjaan.

“Orang-orang Bangladesh akan melakukan semua yang termampu untuk membantu antara satu sama lain. Kami boleh bercakap sesama kami dan menyokong satu sama lain dari aspek kesihatan mental. Jika terdapat seseorang yang kehilangan kerja, ahli komuniti yang lain yang mempunyai maklumat akan menghubungkan beliau dengan majikan yang baru.”

Lelaki Bangladesh berusia 25 tahun yang ditemu bual di KL, Malaysia

30 Nah, A. M. (2010). [Refugees and space in urban areas in Malaysia](#)

31 VOA News (2020). [Singapore's Coronavirus Outbreak Sends Malaysia Scrambling to Test Migrant Workers](#)

4. Landskap polisi migrasi di Malaysia

Pelarian dan migran tanpa dokumen yang sah dikriminalisasi di bawah undang – undang kebangsaan

Isu-isu berkaitan migran dan pelarian di Malaysia diuruskan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Isu-isu tersebut dilihat sebagai isu pengurusan sempadan dan keselamatan negara. Menurut Akta Imigresen 1959/63, migran tanpa dokumen yang sah, termasuk pelarian, akan dikriminalisasi dan dihukum dengan penahanan, pemenjaraan, dan pengusiran.³² Pindaan lanjut ke atas akta tersebut pada tahun 2002 telah memasukkan hukuman yang lebih keras dan diskriminasi terhadap pekerja asing di samping menjaga hak mutlak warganegara Malaysia. Sebagai contoh, Seksyen 60N menyatakan bahawa jika pihak majikan perlu mengurangkan jumlah pekerja, pihak majikan tersebut tidak boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan sebelum menamatkan perkhidmatan kesemua pekerja asing yang bekerja dalam kapasiti yang serupa.³³

“Sebenarnya, penyeludupan dan pemerdagangan manusia merupakan ancaman keselamatan, bukannya migran atau pelarian. [...] Kerajaan harus meneliti dengan serius kaedah meregulasi migran dan pelarian supaya mereka menjadi aset kepada negara. Terdapat obligasi sosial dan juga soal keselamatan tetapi ini tidak boleh mengatasi hak-hak asasi manusia.”

Advokat pelarian dan migran yang ditemu bual di KL, Malaysia

Polisi pelarian adalah “de facto” dan tidak dapat diramalkan

Malaysia merupakan contoh sebuah negara yang sedang menempatkan jumlah pelarian yang besar tanpa sebarang kerangka perundangan perlindungan. Oleh itu, polisi-polisi bersifat ad hoc dibuat berdasarkan negara asal atau kumpulan etnik pelarian serta sumbangan sosial dan ekonomi mereka kepada negara ini.³⁴ Seperti yang telah dinyatakan, walaupun beberapa kumpulan pelarian pernah diberikan pilihan untuk tinggal di Malaysia pada masa lalu, Rohingya yang tiba di Malaysia

sejak hujung tahun 1970-an tidak diberikan hak untuk menetap dan dianggap sebagai “pendatang asing tanpa izin” di bawah undang undang kebangsaan.³⁵ Walaupun hak untuk bekerja bagi Rohingya di Malaysia telah dimulakan bagi sekumpulan kecil pekerja-pekerja ladang kelapa sawit, perkara ini tidak dikembangkan terutamanya kerana ketiadaan kehendak politik.³⁶ Menurut KII dengan ahli masyarakat sivil, pendirian kerajaan Malaysia dari segi sejarah yang tidak mahu dilihat sebagai memberikan insentif untuk pelarian datang ke Malaysia adalah sebab bagi kekurangan sebarang perubahan terhadap isu ini. Sebagai percubaan untuk memberikan sedikit perlindungan untuk pelarian, Pekeliling Pejabat Peguam Negara dalam tahun 2005 telah memberikan sedikit imuniti kepada pencari suaka dan pelarian yang berdaftar dengan UNHCR daripada didakwa atas kesalahan memasuki Malaysia tanpa izin.³⁷ Walaubagaimanapun, pelaksanaan berkenaan yang sama adalah lemah dan individu yang tidak berdaftar tetap menghadapi risiko penangkapan dan penahanan di bawah undang-undang kebangsaan.

Walaupun undang-undang hampir tidak memberikan sebarang perlindungan untuk pelarian dan pencari suaka di Malaysia, kerajaan Malaysia secara amnya tidak menghalang usaha-usaha UNHCR, NGO, CSO dan organisasi-organisasi berasaskan komuniti yang menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.³⁸ Secara khusus, UNHCR menjalankan kesemua tanggungjawab berkaitan penerimaan, pendaftaran, dokumentasi dan pengesahan status pelarian memandangkan wujudnya kekurangan peruntukan legislatif dan pentadbiran bagi mengurus pelarian dan pencari suaka di Malaysia.³⁹

Hanya tumpuan yang terhad diberikan terhadap polisi-polisi berkenaan integrasi dan kohesi sosial

Walaupun Malaysia telah bertolak ansur terhadap kehadiran pelarian dan migran ke tahap tertentu, pendekatan terkini tertumpu kepada memenuhi keperluan tenaga kerja di Malaysia berbanding dengan penempatan jangka masa panjang. Jumlah pekerja asing sah yang dianggarkan hampir 2 juta orang pada September 2019, membentuk 20% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di Malaysia dengan tambahan sebanyak 1-2 juta pekerja asing tidak sah yang menetap

32 German Development Institute (2018). [\(Re\)negotiating Refugee Protection in Malaysia: Implications for Future Policy in Refugee Management](#)

33 Kaur, A (2008). [International Migration and Governance in Malaysia: Policy and Performance](#)

34 German Development Institute (2018). [\(Re\)negotiating Refugee Protection in Malaysia: Implications for Future Policy in Refugee Management](#)

35 Kassim, A. (2015). [Transnational Marriages among Muslim Refugees and Their Implications on Their Status and Identity: The Case of the Rohingyas in Malaysia](#)

36 Di bawah rancangan permulaan tersebut dalam tahun 2016, 300 Rohingya dibenarkan bekerja secara sah dalam sektor perladangan dan pembuatan. Lihat Reuters (2016). [Malaysia in pilot scheme to allow Rohingya refugees to work](#)

37 UNHCR (2016). [Progress under the global strategy beyond detention 2014-2019, mid 2016](#).

38 Kaur, A (2008). [International Migration and Governance in Malaysia: Policy and Performance](#)

39 UNHCR (2020). [Protection in Malaysia](#)

di dalam negara.⁴⁰ Namun, Malaysia telah berusaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja migran dengan, antara lain, meningkatkan had usia persaraan bagi warganegara Malaysia, meningkatkan partisipasi wanita dalam pasaran buruh, dan memindahkan levi bagi pengambilan pekerja asing daripada pihak majikan kepada migran.⁴¹ Tambahan pula, walaupun semua petunjuk menunjukkan bahawa pelarian dan migran menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia,⁴² kerajaan Malaysia masih melengahkan keputusan untuk memberikan hak bekerja yang sah untuk pelarian.

“Amat sukar bagi saya untuk melihat diri saya sebagai sebahagian daripada bandar ini, walaupun saya menerima gaji yang lebih tinggi dan tempoh masa bekerja yang lebih rendah. Kami tidak mempunyai kelulusan, kami migran berkemahiran rendah, jadi orang masih menindas kami. [...] Saya boleh

bercakap Bahasa Melayu serba sedikit, tetapi walaupun saya bercakap dalam Bahasa Melayu, mereka tetap tahu bahawa saya seorang migran.”

Lelaki Bangladesh berusia 28 tahun yang ditemu bual di KL, Malaysia

“Bila pelarian dan migran tiba di Malaysia dan datang untuk menetap di mana-mana kejiranan, tiada sebarang program integrasi sosial yang ditawarkan oleh komuniti termasuklah majlis-majlis tempatan. Keterangan sosial tidak berlaku secara semula jadi. Pelarian dan migran memerlukan ruang-ruang selamat, dan acara untuk menyambut dan mengorientasikan mereka. Kesemua ini perlu diselaraskan.”

Advokat pelarian dan migran yang ditemu bual di KL, Malaysia

5. Kuala Lumpur, migrasi dan peluang

Keselamatan, kestabilan dan peluang ekonomi

KL menawarkan kestabilan dan keselamatan untuk pelarian yang telah melarikan diri daripada penganiayaan di negara asal

Secara relatif, Malaysia merupakan sebuah negara yang selamat di rantau ini kerana Malaysia tidak berdepan dengan konflik bersenjata, perang saudara atau bencana alam. Walaupun terdapat kekurangan kerangka perundangan untuk melindungi pelarian, ramai yang masih melihat KL sebagai tempat yang lebih selamat berbanding dengan negara asal mereka.⁴³ Hal ini disahkan melalui KII bersama ahli komuniti Rohingya.

“Saya melihat Kuala Lumpur sebagai rumah kedua saya kerana ia lebih baik berbanding Rakhine. Suami saya tinggal di sini, dia boleh bekerja di sini. Di Rakhine, orang kami dianiaya, kami berhadapan dengan gangguan dan kami merasa tidak selamat di sana.”

Wanita berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

Perkembangan ekonomi yang pesat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak

KL merupakan salah satu kawasan urban terbesar dan antara hab perniagaan dan komersial yang paling dinamik di Asia manakala ekonomi Malaysia merupakan ekonomi keempat terbesar dalam ASEAN.⁴⁴ Sektor perkhidmatan dan pembangunan merupakan pemandu utama ekonomi KL dengan kadar pertumbuhan sektor bagi tahun 2019 sebanyak 6% dan 5.5% masing-masing.⁴⁵ Kepelbagaian aktiviti ekonomi dan projek-projek pembangunan merencanakan ekonomi bandar raya tersebut.

Migran Bangladesh yang ditemu bual melaporkan bahawa gandingan peluang ekonomi di KL dan kadar pengangguran yang tinggi di Bangladesh merupakan pemacu utama migrasi. Manakala keselamatan, keadaan hidup, peluang ekonomi yang lebih baik serta akses kepada perkhidmatan dilaporkan sebagai motivasi bagi pergerakan Rohingya dari Cox's Bazar ke Malaysia.⁴⁶

“Saya mula-mula datang ke sini untuk bekerja. Kami golongan miskin dari Bangladesh. Di kampung halaman saya,

40 ILO (2020). [TRIANGLE in ASEAN Quarterly Briefing Note: Malaysia \(January-June 2020\)](#)

41 ILO (2016). [Review of Labor Migration Policy in Malaysia](#)

42 The Star (2019). [Grant refugees in Malaysia the right to work](#)

43 Al Jazeera (2017). [Malaysia: A Rohingya safety haven?](#)

44 ASEAN (2019). [ASEAN Key Figures 2019](#)

45 Kadar pertumbuhan pertanian dan perkilangan pada tahun 2019 di KL masing-masing sebanyak 5.2% dan 4.3%. Lihat Jabatan Perangkaan Malaysia (2019). [2019 Social-economic report: Kuala Lumpur](#)

46 The New Humanitarian (2020). [Why we Rohingya refugees risk our lives at sea](#)

sangat susah untuk mencari kerja tetap, hanya ada kerja sampingan kecil yang tidak dapat menjamin kehidupan kami.”

Lelaki Bangladesh berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Ekonomi KL yang rancak dan dinamik bermaksud kamu akan dapat bertahan dari segi ekonomi. Terdapat banyak peluang pekerjaan di ladang-ladang dan tapak pembinaan. Selain itu, kamu boleh nampak perniagaan-perniagaan kecil dan kedai-kedai di tepi jalan atau dalam bangunan yang dikendalikan oleh pelarian dan migran. Memang terdapat kebimbangan buat mereka yang bekerja secara tidak sah, tetapi selagi mereka boleh bekerja dan mendapatkan wang, mereka menerima risiko penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa.”

Advokat pelarian dan migran, ditemu bual di KL, Malaysia

Pelarian dan migran merupakan bahagian penting ekonomi KL; ramai berasa bahawa mereka sedang memberi sumbangan positif kepada bandar raya

Ramai di kalangan pelarian dan migran yang ditemu bual melihat diri mereka sebagai penyumbang kepada pembangunan KL dan sebilangan turut menyatakan bahawa mereka menganggap KL sebagai rumah kedua.

“Saya rasa pelarian dan migran termasuk diri saya, sedang membantu membangunkan KL. Di tapak-tapak pembinaan, terdapat banyak migran yang melakukan pelbagai kerja yang berbeza – kami membina bangunan dan jambatan. Migran juga yang memotong rumput dan membersihkan bandar raya, untuk keindahan bandar raya ini jua.”

Lelaki Rohingya, berusia 28 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Saya tiada kuasa untuk menyumbang kepada Kuala Lumpur, kecuali di tempat kerja, saya menanam banyak sayur-sayuran yang akan dibawa ke pasar dan pasar raya supaya orang ramai boleh mendapatkan sayur-sayuran yang bersih di rumah dan di restoran-restoran.”

Lelaki Bangladesh, berusia 28 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

Pelarian dan pekerja migran sememangnya membentuk tulang belakang ekonomi Malaysia. Beberapa industri digelar sebagai “industri migran” kerana banyak pekerja migran yang diambil bekerja. Sebagai contoh, dianggarkan lebih daripada satu pertiga pekerja sektor pertanian di Malaysia adalah pekerja migran,⁴⁷ manakala sekitar 77% pekerja ladang-ladang kelapa sawit adalah migran terutamanya dari Indonesia dan Bangladesh.⁴⁸

“KL dan Malaysia tidak mungkin dapat membangun tanpa migran. Banyak kerja – kerja 3D dijauhi oleh warganegara Malaysia. Pelarian dan migran yang mengisi ruang tersebut.”

Advokat pelarian dan migran, ditemu bual di KL, Malaysia

Akses kepada perkhidmatan dan gaya hidup urban

Kehadiran UNHCR dan masyarakat sivil yang bersemangat dan bertenaga memberi manfaat kepada pelarian

UNHCR dan ahli masyarakat sivil memainkan peranan yang penting dalam membantu pelarian di Malaysia dengan memenuhi jurang yang wujud akibat ketiadaan kerangka perundangan komprehensif untuk melindungi pelarian. Secara am, kerajaan Malaysia memberi ruang kepada UNHCR dan ahli masyarakat sivil untuk membantu pelarian dan pencari suaka terutamanya melalui pembekalan bantuan kemanusiaan. Data 4Mi menunjukkan lebih daripada dua pertiga responden Rohingya (n=78) telah menerima bantuan daripada badan-badan UN dan NGO semenjak wabak COVID-19 bermula, terutamanya dalam bentuk barangan keperluan asas seperti makanan, air dan tempat tinggal.

Berbanding dengan bandar - bandar lain di Malaysia, KL menyediakan akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan hingga ke tahap tertentu untuk pelarian dan migran

62% (n=101) daripada Rohingya dan warganegara Bangladesh yang ditemu bual dalam tinjauan 4Mi melaporkan bahawa mereka dapat mengakses perkhidmatan penjagaan kesihatan di KL apabila diperlukan. Namun begitu, terdapat banyak halangan yang signifikan terhadap akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh pelarian dan migran terutamanya disebabkan kekurangan dokumentasi, takut ditangkap dan ditahan serta tidak mampu melakukan bayaran. Meskipun pelarian yang memegang kad UNHCR layak menerima diskaun sebanyak 50% ketika mengakses perkhidmatan kesihatan,⁴⁹ penjagaan kesihatan masih terlalu mahal kerana pelarian dikenakan bayaran seperti warganegara asing, yakni pada kadar

47 Jabatan Perangkaan Malaysia (2019). *Selected Agricultural Indicators 2019*

48 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (2020). *Palm Oil: Unemployed Malaysians should consider working in plantation industry*

49 UNHCR (2020). *UNHCR Responds to Allegations of Fraudulent UNHCR cards.*

sehingga 100 kali ganda lebih tinggi berbanding dengan warganegara Malaysia.⁵⁰ Sementara itu, dua daripada tiga migran Bangladesh yang ditemu bual melaporkan bahawa pemeriksaan kesihatan telah diberikan di tempat kerja mereka. Namun, ini merupakan kes terpencil ketika pandemic COVID-19. Malah, menurut ahli-ahli masyarakat sivil yang ditemu bual, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan untuk pekerja migran di KL oleh majikan bukanlah amalan yang biasa.

Selain itu, walaupun kanak-kanak pelarian dan migran tanpa dokumen tidak berpeluang menerima pendidikan formal, terdapat peluang untuk mendapatkan pendidikan secara tidak formal atau pendidikan berasaskan komuniti di KL. Seorang wanita Rohingya yang telah ditemu bual menyatakan bahawa sebab utama keluarganya mengambil keputusan untuk menetap di KL adalah pendidikan anak-anaknya, kerana peluang tersebut mungkin tidak ada di bandar atau kawasan lain di Malaysia. Sebagai tambahan kepada pendidikan untuk kanak-kanak dalam umur persekolahan, beberapa NGO juga menawarkan latihan vokasional untuk pelarian dan migran di KL.

Gaya hidup urban yang unik di KL

Ketika ditanya secara khusus tentang apa yang mereka suka tentang KL, kesemua Rohingya dan warganegara Bangladesh yang ditemu bual memberitahu bahawa bandar ini indah dan menawarkan cara hidup urban yang tidak pernah dialami oleh mereka sebelum ini. Ramai juga yang menyatakan bahawa kemudahan di KL adalah satu manfaat – terdapat banyak pasar, pusat membeli-belah dan pemandangan yang indah.

“Kampung halaman saya merupakan sebuah desa, jadi, tiada banyak bangunan, tiada pusat membeli-belah dan tidak banyak pasar, langsung tidak seperti kehidupan bandar yang saya alami sekarang di KL.”

Lelaki Bangladesh, berusia 28 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Gaya hidup di sini sangat berbeza. Semua boleh diakses, kamu boleh mencari apa-apa sahaja di sekitar kamu.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

6. Kuala Lumpur, migrasi dan risiko-risiko

Pergelutan ekonomi dan pencabulan hak-hak buruh

Pergelutan yang berterusan untuk pelarian dan migran memenuhi keperluan ekonomi mereka di KL

Walaupun KL menawarkan peluang-peluang ekonomi secara relatif, kesemua warganegara Bangladesh dan Rohingya yang ditemu bual melaporkan kesukaran untuk menjana pendapatan yang mencukupi bagi meneruskan kehidupan atau simpanan kerana kos sara hidup yang tinggi di KL serta gaji yang rendah untuk pelarian dan pekerja migran. Pelarian dan migran tanpa hak bekerja adalah antara kumpulan yang paling terdedah kerana mereka perlu bekerja tanpa sebarang kontrak pekerjaan yang menjamin bayaran mereka.

“Migran tanpa dokumen akan cuba sebaik mungkin untuk mendapatkan peluang pekerjaan, walaupun mereka sedar bahawa mereka terdedah kepada eksploitasi. Memang terdapat kes-kes pengabaian aspek

keselamatan atau bayaran gaji yang terlalu rendah atau tidak dibayar gaji langsung.”

Advokat pelarian dan migran, ditemu bual di KL, Malaysia

Wanita menghadapi halangan-halangan tambahan untuk penglibatan dalam tenaga kerja

Berdasarkan data 4Mi, lebih daripada separuh responden perempuan (n=41) tidak memperoleh sebarang pendapatan sejak sebelum krisis COVID-19, manakala selebihnya telah kehilangan pendapatan disebabkan oleh pandemik tersebut. Halangan terhadap wanita untuk mengakses peluang pekerjaan timbul daripada pasaran buruh dan kekangan budaya. Seorang wanita Rohingya yang ditemu bual memberitahu bahawa dia ingin bekerja di KL, namun lelaki-lelaki Rohingya lebih suka isteri mereka tinggal di rumah. Walaubagaimanapun, ada juga wanita yang telah memulakan peniagaan dengan menjual produk kepada pekerja-pekerja di jalanan dan di pasar.

Pengeksploitan dan penderaan terhadap pelarian dan pekerja migran telah didokumentasikan dengan baik

Kes-kes pemerdagangan manusia dan eksploitasi terhadap pekerja migran di kilang-kilang elektronik,

50 Pindaan 2016 Akta Fi 1951 menetapkan caj yang lebih tinggi ke atas warga asing, antara 24 hingga 100 kali ganda lebih tinggi daripada warganegara Malaysia. Lihat The Star (2020). [Proposing a Non-Citizens Health Act for Malaysia](#)

tapak-tapak pembinaan, industri kelapa sawit, dan pembantu rumah di KL dan Malaysia telah didokumentasikan dengan baik⁵¹. Buruh kanak-kanak sama ada daripada kumpulan pelarian atau migran merupakan satu lagi isu yang membimbangkan. Walaupun usaha-usaha bagi mewujudkan perlindungan yang lebih baik untuk mangsa dan meningkatkan kadar sabitan terhadap pedagang manusia telah dijalankan sejak beberapa tahun ini, namun pelbagai bentuk pencabulan hak pekerja terutamanya terhadap pekerja migran dan pelarian masih berlaku.⁵²

“Kegelisahan kerja adalah sangat tinggi kerana saya selalu bekerja sekitar 12-14 jam sehari dan hanya 1-2 hari cuti dalam sebulan. Sesiapa pun tidak patut menjalani kehidupan seperti saya di Malaysia. Kadang-kadang saya berasa seperti saya berada di dalam penjara.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Saya mesti bangun pada jam 7 pagi dan pulang hanya pada jam 7.30 malam atau kadang-kadang pada jam 10.00 malam. Biasanya saya dapat 1-2 hari cuti setiap minggu. Saya tidak suka kerja saya, tapi saya tiada pilihan, jadi saya harus menerimanya.”

Lelaki Bangladesh, berusia 28 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Budaya menganiaya pekerja migran telah dinormalisasi seolah-olah seseorang harus menerimanya seperti sebahagian daripada kehidupan pekerja migran di Malaysia – jika kamu tidak dapat menerimanya, kamu boleh keluar dan pergi ke negara lain. Jadi pelarian dan migran berkompromi walaupun keadaan kerja mereka menyerupai hamba..”

Advokat pelarian dan migran, ditemu bual di KL, Malaysia.

Menurut data 4Mi, 14 daripada 36 responden Rohingya dan kesemua responden Bangladesh (n=12) melaporkan bahawa risiko pengeksploitasian tenaga kerja telah meningkat sejak wabak COVID-19 bermula. Dalam temu bual yang telah dijalankan, kesemua lelaki Bangladesh menyatakan bahawa mereka terpaksa bekerja untuk tempoh masa yang terlalu lama dengan cuti selama hanya beberapa hari setiap bulan serta tiada kontrak pekerjaan.

“Dalam situasi coronavirus ini, keadaan kerja sangat mencabar, namun saya tetap perlu bekerja demi 8 orang ahli keluarga saya yang bergantung pada pendapatan saya.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, responden 4Mi di KL, Malaysia

Penderaan kepada pekerja asing selalunya dipermudahkan oleh ejen-ejen pengambilan pekerja

Laporan Pemerdagangan Manusia 2020 untuk Malaysia mengulangi bahawa majikan, ejen pengambilan pekerja dan broker mengeksploitasi pekerja asing terutamanya melalui kerja paksa berdasarkan hutang.⁵³ 2 orang pekerja migran dari Bangladesh yang ditemu bual mendedahkan bahawa 25-30% daripada gaji bulanan mereka digunakan untuk membayar ejen pengambilan pekerja untuk bayaran pengambilan pekerja dan kos perjalanan yang berkaitan. KII bersama advokat pelarian dan migran juga mencadangkan bahawa ejen tersebut atau “orang tengah”, membekalkan dokumen pekerjaan yang palsu kepada pekerja migran dalam kebanyakan kes. Ini mendedahkan pekerja migran terhadap risiko penangkapan dan pengusiran.

“Caranya begini – syarikat membayar ejen dan ejen kemudiannya membayar kami. Kami tidak tahu berapa yang dibayar oleh syarikat kepada ejen tetapi jumlah yang kami terima adalah sangat rendah. Masih ramai yang berhutang di tempat kerja saya. Sebab itulah mereka mesti terus bekerja.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

Risiko-risiko perlindungan dan sosial

Terdapat banyak jalan yang membawa ke luar aturan di Malaysia

Malaysia mempunyai polisi visa pelancong yang terbuka. Faktor tersebut serta sambungan penerbangan membuatkan ramai pekerja migran datang ke Malaysia dengan menggunakan visa pelancong dan tinggal melebihi had masa, dan/atau bekerja secara tidak sah di Malaysia.⁵⁴ Selain itu, ramai yang datang ke Malaysia dengan permit kerja namun kegagalan mereka atau ejen untuk memperbaharui permit tersebut dalam tempoh yang ditetapkan membuatkan situasi mereka di luar aturan. Kajian Bank Dunia pada tahun 2019 melaporkan bahawa di Malaysia, ejen pengambilan pekerja yang selalunya mengendalikan proses pendaftaran dan meregularisasi pekerja migran. Kajian tersebut mendapati walaupun ejen pengambilan pekerja menerima bayaran daripada pihak majikan dan juga pekerja migran untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan permit kerja,

51 United States Department of State (2017). [Trafficking in Person report: Malaysia](#)

52 United States Department of State (2019). [Trafficking in Person report: Malaysia](#)

53 United States Department of State (2020). [Trafficking in Person report: Malaysia](#)

54 Bank Dunia (2019). [Malaysia: Estimating the Number of Foreign Workers](#)

ejen-ejen tersebut selalu gagal untuk menyerahkan dokumen-dokumen tersebut dan menyebabkan status pekerja migran di luar aturan.⁵⁵ Seorang migran Bangladesh telah menekankan hal ini ketika ditemu bual:

“Sebelum saya bekerja di syarikat ini, dokumen saya sah bagi tempoh satu tahun. Selepas itu, dokumen saya tamat tempoh. Ejen saya gagal memperbaharui dokumen saya tetapi mereka yang menyimpan semua dokumen saya termasuk pasport, maka saya berstatus sebagai tidak berdokumen.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

Pandemik COVID-19 telah memburukkan lagi keadaan dengan sekatan pergerakan yang menyebabkan ketidakupayaan untuk memperbaharui dokumen sebelum tamat tempoh waktu yang ditetapkan.

“Ketika situasi koronavirus, banyak migran yang berubah status menjadi ‘tidak sah’ kerana tiada sebarang cara untuk kami memperbaharui visa kami.”

Lelaki Bangladesh, berusia 31 tahun, responden 4Mi di KL, Malaysia

Akses kepada hak undang-undang dan dokumentasi antara keperluan yang paling penting untuk pelarian dan migran

Seperti yang dinyatakan di atas, data 4Mi menunjukkan ketiadaan dokumen yang sah dinyatakan sebagai penghalang kedua terbesar terhadap akses kepada perkhidmatan kesihatan (26 orang responden Rohingya, 8 orang responden Bangladesh, n=101). Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dan menjadi masalah ketika krisis COVID-19 kerana pelarian dan migran tanpa dokumen takut untuk meninggalkan rumah untuk mendapatkan rawatan kerana mereka takut ditangkap dan ditahan.⁵⁶ Hampir satu pertiga daripada responden tinjauan 4Mi di KL (8 warganegara Bangladesh, 23 Rohingya) menyatakan bahawa bantuan tambahan yang paling diperlukan ketika krisis COVID-19 adalah bantuan berkenaan dokumentasi yang sah.

Diskriminasi meluas terhadap pelarian dan migran di KL

Untuk masa yang lama, wacana politik dan awam di Malaysia telah menggambarkan pelarian dan migran sebagai satu ancaman terhadap beberapa perkara seperti keselamatan negara, kesihatan dan keselamatan awam, serta pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia dalam jangka masa yang panjang. Pelarian dan migran dipersalahkan bagi jenayah, penyakit dan juga penipuan pilihan raya.⁵⁷ Kesemua pelarian dan migran yang ditemu bual melaporkan beberapa bentuk diskriminasi dan perbezaan layanan sama ada di tempat kerja atau dalam kehidupan seharian mereka.

“Saya pernah bekerja di satu tapak pembinaan. Waktu bekerja adalah sepanjang hari. Terdapat beberapa orang warganegara Malaysia di situ dan mereka melayan saya dengan teruk. Majikan saya yang juga merupakan warganegara Malaysia telah menyimpan gaji saya dan memaksa saya untuk berhenti kerja. Saya tahu perkara ini mungkin akan terjadi lagi, tapi saya tiada dokumen. Saya tidak boleh menunjukkan sebarang kuasa atau mengambil apa-apa tindakan.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Kadang kala terdapat pengasingan antara orang tempatan Malaysia dan migran terutamanya migran yang bekerja dalam sektor pembinaan. Masyarakat berpandangan bahawa pekerja pembinaan tidak berpendidikan, bahawa kami tidak tahu budaya Malaysia dan kami orang miskin. Oleh itu masyarakat memandang kami secara berbeza. Mereka ingat kami tidak tahu bagaimana untuk bercakap dengan orang dan kadang kala pakaian kami juga amat berbeza dengan mereka.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

55 Ibid

56 The New Humanitarian (2020). [Fear and uncertainty for refugees in Malaysia as xenophobia escalates](#)

57 ILO (2016). [Review of Labor Migration Policy in Malaysia](#)

7. Kuala Lumpur, migrasi dan COVID-19

Covid-19 telah mengurangkan akses kepada pekerjaan dan meningkatkan kemiskinan serta risiko eksploitasi

Selaras dengan undang-undang yang telah dinyatakan di atas, pihak majikan telah mengutamakan pemecatan pekerja migran berbanding pekerja tempatan ekoran daripada impak COVID-19 terhadap ekonomi. Tindakan ini serta penutupan sementara banyak “industri migran” semasa COVID-19 telah mengakibatkan kehilangan pekerjaan dan kemiskinan yang meluas di kalangan pelarian dan migran di KL. Menurut data 4Mi, 82 daripada 101 orang responden menyatakan bahawa kekurangan peluang pekerjaan merupakan impak COVID-19 yang terbesar. Manakala, kesemua responden Bangladesh (n=12) dan lebih daripada dua perlima responden Rohingya (n=36) melaporkan peningkatan risiko eksploitasi tenaga kerja sejak permulaan wabak COVID-19.

“Sebagai ketua keluarga dan pekerja harian, saya berasa semakin risau hari demi hari. Kami diberitahu bahawa kami tidak boleh bekerja lagi.”

Lelaki Rohingya, berusia 26 tahun, responden 4Mi di KL, Malaysia

Hampir satu pertiga responden Rohingya (n=78) dan lebih daripada dua perlima responden Bangladesh (n=23) melaporkan kehilangan pendapatan disebabkan COVID-19. Daripada mereka (n=61), 53 responden mendakwa bahawa kehilangan kemampuan untuk membeli keperluan asas sebagai impak utama ekoran daripada kehilangan pendapatan manakala 42 responden mendakwa kehilangan tempat tinggal sebagai kesan utama (lihat Rajah 2). Kebimbangan dan kegelisahan (26 responden) dan ketidakmampuan untuk mengirim wang (18 responden) merupakan kesan-kesan yang lain.

Krisis COVID-19 menyebabkan peningkatan jumlah kehilangan tempat tinggal untuk pelarian dan migran di KL


Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63 (pindaan 2002) menjadikan perbuatan seseorang tuan tanah yang menyewakan premis kepada individu yang dianggap “pendatang haram” sebagai satu kesalahan undang-undang. Walaupun undang-undang ini sudah lama wujud tanpa pelaksanaan yang berleluasa, kerajaan baru yang terbentuk pada Mei 2020 telah menggunakan ketakutan terhadap penularan COVID-19 sebagai justifikasi pelaksanaan undang-undang tersebut secara meluas. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, undang-undang Malaysia tidak membezakan antara pelarian dan migran tanpa dokumen. Oleh itu, pemilik rumah terpaksa mengusir penyewa yang tidak mempunyai dokumen. Selain itu, berdasarkan KII dengan ahli masyarakat sivil, walaupun pengusiran paksa tidak dijalankan, pelarian dan migran tetap tidak mampu membayar sewa selama berbulan lamanya akibat kehilangan pekerjaan kerana COVID-19. Akibatnya, ratusan pelarian dan migran kehilangan tempat tinggal.⁵⁸ Hal ini disahkan oleh data 4Mi. 40% responden (n=101) mendakwa bahawa kehilangan tempat tinggal adalah salah satu kesan besar ekoran daripada kehilangan pendapatan disebabkan COVID-19 (lihat Rajah 2).

“Sudah berbulan kami tidak membayar sewa. Jika ini berterusan, tuan tanah akan menghalau kami keluar. Kami juga tidak boleh mengirim sebarang duit ke kampung halaman. Tapi saya tahu ramai yang menghadapi situasi yang sama.”

Wanita Rohingya, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Saya tidak bekerja semenjak perintah kawalan pergerakan berkuatkuasa. Sekarang saya berasa bimbang kerana

Rajah 2: Apakah kesan daripada kehilangan pendapatan?



58 MalayMail (2020). [Over 100 UN cardholder refugees in KL facing eviction amid immigration crackdown on undocumented migrants](#)

tidak dapat membayar sewa selama hampir 3 bulan kini. Saya bimbang saya akan menghadapi pelbagai kesukaran jika saya tidak boleh bekerja.”

Lelaki Rohingya, berusia 24 tahun, responden 4Mi di KL, Malaysia

Xenofobia dan diskriminasi telah meningkat ketika pandemik

Seperti yang telah dinyatakan di atas, pelarian dan migran melaporkan bahawa mereka berdepan dengan diskriminasi secara meluas di KL. Walaubagaimanapun, laporan mengenai xenofobia dan diskriminasi telah meningkat secara ketara sejak bermulanya wabak COVID-19. Semenjak pandemik, wacana awam dan retorik kerajaan Malaysia telah mengaitkan pelarian dan migran dengan penularan COVID-19.⁵⁹ Walaupun peningkatan diskriminasi memberi kesan secara umum kepada pelarian dan migran, pelarian Rohingya telah disasarkan dengan khusus. Sejak April 2020, bahasa yang tidak berperikemanusiaan dan berdiskriminasi terhadap etnik Rohingya tersebar dengan cepat di platform media sosial,⁶⁰ termasuk petisyen dalam talian untuk mendesak pengusiran paksa Rohingya ke Myanmar.⁶¹ Menurut data 4Mi, hampir separuh responden Rohingya (n=78) di KL telah melaporkan peningkatan rasisme dan xenofobia disebabkan oleh COVID-19, manakala tiada responden Bangladesh (n=23) melaporkan yang sama.

“Sejak wabak coronavirus bermula di Malaysia, beberapa penduduk tempatan telah menentang kami dan melihat kami sebagai satu ancaman. Ini membuatkan saya berasa takut dan amat tertekan. Kami tidak tahu apa yang akan berlaku seterusnya.”

Lelaki Rohingya, berusia 26 tahun, responden 4Mi di KL, Malaysia

“Saya terdengar tentang kempen-kempen benci terhadap kami. Ini membuatkan saya murung. Kami telah pun menghadapi xenofobia dan diskriminasi di Rakhine dan sebab itu kami meninggalkan negara kami. Kami menjangkakan keadaan yang lebih baik di sini, tetapi ramai penduduk tempatan Malaysia yang tidak menerima migran terutamanya orang Rohingya.”

Wanita Rohingya, berusia 30 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Diskriminasi sentiasa ada. Tetapi dengan COVID-19, diskriminasi meningkat ke tahap yang berbeza dan dengan skala yang lebih luas.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Semua migran mempunyai pengalaman diskriminasi yang sama. Warganegara Malaysia menganggap pelarian dan migran tidak berpendidikan dan kerja kami adalah kotor. Kerana warna kulit kami, mereka ingat kami tidak tahu menjaga kebersihan kami. Dengan COVID-19, mereka berasa tidak selamat untuk berdekatan dengan kami.”

Lelaki Bangladesh, berusia 28 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

COVID-19 digunakan sebagai justifikasi untuk menggunakan kekerasan terhadap pelarian dan migran tanpa dokumen

COVID-19 merupakan faktor penting yang telah membawa perubahan pantas terhadap polisi dan tindak balas berkenaan migrasi di Malaysia dan KL. Pada awal pandemik, kerajaan melaksanakan beberapa langkah positif, termasuk menyediakan saringan COVID-19 percuma untuk pelarian di Selayang dan menggalakkan pelarian dan migran untuk tampil menjalani saringan tanpa rasa takut ditangkap.⁶² Namun, situasi telah merosot sejak Mei 2020 dengan satu siri serbuan polis, tangkapan, penahanan dan pengusiran yang dilakukan oleh pihak berkuasa Malaysia yang memberi kesan terhadap ribuan migran tanpa dokumen dan pelarian di seluruh negara.⁶³ Pihak kerajaan menjustifikasikan penangkapan ini sebagai tindakan untuk memutuskan rantaian virus.

Kebanyakan responden kaji selidik 4Mi bersetuju bahawa COVID-19 telah meningkatkan risiko mereka terhadap penangkapan secara sembarangan, penahanan dan pengusiran (lihat Rajah 3). Khususnya kebimbangan tentang peningkatan risiko penangkapan sembarangan dan penahanan dilaporkan lebih tinggi di kalangan responden Rohingya (85%, n=36) berbanding responden Bangladesh (58%, n=12). Manakala, peningkatan risiko pengusiran dilaporkan lebih tinggi oleh responden Bangladesh (83%, n=12) berbanding dengan responden Rohingya (56%, n=36).

59 MalayMail (2020). [Don't blame us for spreading Covid-19 in Selayang, migrant workers plead](#)

60 Human Rights Watch (2020). [Joint Letter Re: End Violent Threats and Anti-Rohingya Campaign](#)


61 Al Jazeera (2020). [Malaysia urged to end violent threats against Rohingya refugees](#)

62 UNHCR (2020). [UNHCR-GoM joint action to prevent, manage COVID-19 infections among refugees](#)


63 VOA News (2020). [Thousands of Migrant Workers Arrested in Malaysia in Major Crackdown](#)

Rajah 3: Persepsi risiko perlindungan

Rajah 3.1 Terdapat peningkatan risiko penangkapan dan penahanan secara sembarangan sejak pandemik COVID-19 bermula*



Rajah 3.2 Terdapat peningkatan risiko pengusiran sejak pandemik COVID-19 bermula*



*Graf ini menggunakan % untuk memudahkan perbandingan risiko dan perbandingan antara responden Bangladesh dan responden Rohingya walaupun jumlah pemerhatian adalah kecil (36 responden Rohingya dan 12 responden Bangladesh) dan jumlah pemerhatian yang berbeza antara dua kumpulan tersebut.

COVID-19 telah meningkatkan kekangan pergerakan orang tanpa dokumen di KL, disebabkan peningkatan ketakutan ditangkap

COVID-19 telah mengetatkan kekangan pergerakan untuk semua di Malaysia dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang tegas pada Mac 2020 sebagai langkah bagi mengawal penularan virus tersebut.⁶⁴ Penangkapan besar-besaran pelarian dan migran tanpa dokumen seiring dengan PKP, menyebabkan ramai yang melaporkan ketidakmampuan untuk keluar dari rumah bagi mendapatkan perkhidmatan dan barang keperluan asas atau bekerja, kerana takut ditangkap. Beberapa responden KII juga melaporkan bahawa mereka terpaksa bersembunyi atau merasuah pihak berkuasa supaya tidak ditangkap.

Peningkatan kawalan terhadap pergerakan dan diskriminasi yang meningkat serta ketegangan di Kuala Lumpur turut menambah tekanan psikologi di kalangan ramai yang ditemu bual. Hal ini disokong oleh data 4Mi - kebimbangan dan tekanan yang kian bertambah dinyatakan oleh lebih daripada separuh responden (n=101) sebagai kesan utama COVID-19 (lihat Rajah 2).

“Selepas COVID-19, berlaku serbuan polis, semua orang takut kerana ramai orang yang tiada dokumen telah ditangkap dalam hanya beberapa hari. [...] Disebabkan COVID-19, sangat bahaya untuk tinggal di KL. Saya tidak boleh ke mana-mana dan hanya

tinggal di tempat kerja. Jika saya mahu membeli sesuatu, saya terpaksa meminta kawan saya yang mempunyai dokumen untuk tolong belikan.”

Lelaki Bangladesh, berusia 25 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Di kawasan saya, bila perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, orang tidak boleh keluar. Bila orang keluarga untuk membeli makanan, mereka ditangkap.”

Lelaki Rohingya, berusia 28 tahun, ditemu bual di KL, Malaysia

“Situasi koronavirus ketika ini membuatkan saya menderita daripada kesusahan yang tak dapat digambarkan. Apabila Malaysia mula bertindak keras terhadap migran dan pelarian, saya tidak Berjaya mendapatkan sebarang perlindungan dan saya tidak dapat memperoleh suaka kerana pejabat UNHCR ditutup oleh sebab krisis virus ini. Ada sekali, saya ditahan oleh pegawai pihak berkuasa tempatan dan saya diminta membayar sebanyak RM 500 (kira-kira USD 120) untuk dilepaskan.”

Wanita Rohingya, berusia 32 tahun, responden 4Mi di Kuala Lumpur, Malaysia

64 The New Humanitarian (2020). [Fear and uncertainty for refugees in Malaysia as xenophobia escalates](#)

8. Kesimpulan dan cadangan

Kesimpulan

Kajian kes ini membentangkan landskap migrasi bercampur terkini di Kuala Lumpur, dengan tumpuan terhadap pengalaman komuniti pelarian Rohingya dan komuniti pekerja migran Bangladesh. Secara keseluruhan, terdapat kepelbagaian di kalangan pelarian dan migran di KL dari segi ciri-ciri demografi, latar belakang etnik dan agama serta motivasi untuk berhijrah dan tinggal di KL. Walaubagaimanapun, kebanyakannya cenderung untuk tinggal di KL untuk jangka masa sederhana ke jangka masa yang panjang, terutamanya komuniti Rohingya dan komuniti Bangladesh. Sejarah Malaysia yang panjang dalam menjadi tuan rumah kepada pelarian dan migran telah menghasilkan pembentukan komuniti diaspora yang kukuh di KL, yang berfungsi sebagai jaringan sokongan yang efektif untuk migran dan pelarian yang telah lama atau yang baru tiba. Pengalaman pelarian Rohingya dan migran Bangladesh sepanjang pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa jaringan ini merupakan faktor penting bagi kemampuan untuk bertahan dan berkembang, terutamanya ketika krisis.

KL merupakan sebuah bandar raya yang menjanjikan banyak peluang. Sebab-sebab utama KL menjadi pilihan pelarian dan migran adalah keselamatan, kestabilan dan masa depan yang lebih baik. Malaysia yang bermajoriti Muslim dianggap sebagai destinasi selamat buat pelarian Muslim yang melarikan diri daripada penganiayaan agama di negara asal mereka. Ekonomi yang stabil dan rancak pula mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak dalam sektor formal serta tidak formal dan peluang pekerjaan tersebut boleh diambil oleh pelarian dan migran. Migran dan pelarian telah memainkan peranan yang penting dalam industri-industri utama di KL, terutamanya dalam industri perladangan dan pembinaan. Sementara itu, kewujudan UNHCR dan masyarakat sivil yang aktif telah memudahkan akses kepada bantuan bila diperlukan. Selain itu, ramai yang ditemu bual berkata mereka menikmati cara hidup dan pemandangan yang indah di KL.

Walaupun terdapat banyak peluang, pelarian dan migran, terutamanya mereka yang tidak berdokumen, berhadapan dengan banyak risiko di KL. Kekurangan dokumentasi merupakan faktor risiko utama yang membawa kepada kerentanan yang lain, termasuk halangan untuk mengakses perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, serta peningkatan keberangkalian untuk ditangkap, ditahan dan diusir. Tambahan pula, pergelutan ekonomi telah dilaporkan secara meluas, terutamanya selepas wabak COVID-19, dengan kehilangan pekerjaan secara meluas yang dialami di kalangan pelarian dan migran. Buat mereka yang masih bekerja, pencabulan hak pekerja, termasuk pemotongan gaji, eksploitasi tenaga kerja dan diskriminasi di tempat kerja dilaporkan sering terjadi. Semua risiko tersebut berada dalam konteks lebih luas peningkatan sekuritisasi isu pelarian dan migran di Malaysia, dengan kerajaan membincangkan secara eksplisit potensi ancaman yang dibawa oleh kumpulan-kumpulan tersebut. Gandingan ketakutan masyarakat terhadap COVID-19 dan naratif yang negatif terhadap pelarian dan migran telah mencetus peningkatan xenofobia, penangkapan, penahanan, dan pengusiran pelarian dan migran tidak berdokumen di Malaysia.

Cadangan

Berdasarkan penemuan tersebut, kajian ini mengemukakan cadangan berikut untuk pengaturcaraan dan dasar:

1. Melaksanakan objektif dan tindakan “Global Compact for Migration” (GCM) oleh Malaysia. GCM juga menawarkan rangka tindakan untuk berhadapan dengan COVID-19 bagi mereka yang sedang bergerak. Sebagai contoh, akses kepada penjagaan kesihatan harus disediakan buat semua tanpa mengira status migrasi; mengekalkan tembok pemisah di antara penguatkuasaan imigresen dan akses kepada perkhidmatan; membebaskan migran daripada penahanan imigresen; memanjangkan lagi tempoh permit kerja dan permit mastautin; meregularisasi status; menghapuskan diskriminasi dan mempromosikan wacana awam yang berasaskan fakta mengenai migrasi.⁶⁵

2. Menyokong kerangka politik-kehakiman yang mengiktiraf hak khusus kesemua pelarian dan migran di Malaysia tanpa mengira status undang-undang mereka.

3. Menggalakkan tindak balas yang berperikemanusiaan dalam pengurusan sempadan yang mempertahankan hak untuk mencari suaka dan mengutamakan alternatif daripada penahanan.

4. Menyediakan dasar perpaduan sosial yang bersasaran untuk memastikan pelarian dan migran mempunyai peluang untuk berintegrasi secara ekonomi dan sosial dalam masyarakat KL, misalnya dengan memberi akses kepada perkhidmatan penting termasuk penjagaan kesihatan yang berpatutan dan pendidikan.

5. Menjalankan kempen-kempen untuk menentang peningkatan xenofobia dan diskriminasi terhadap pelarian dan migran di KL dan seluruh Malaysia, termasuk menghapuskan mitos-mitos berbahaya berkenaan dengan penyebaran penyakit dan jenayah.

6. Meneruskan usaha menangani eksploitasi tenaga kerja di kalangan pelarian dan migran di KL:

- Memberikan hak bekerja yang sah untuk pelarian bagi: i) memastikan akses kepada mata pencarian; dan ii) mengurangkan risiko eksploitasi kerana ketiadaan dokumentasi dan hak bekerja yang formal.
- Memastikan kemampuhan peluang pekerjaan dengan menguatkuasa dasar yang mewajibkan kontrak pekerjaan dan bayaran sifar untuk pengambilan pekerja, seiring dengan pelaksanaan piawaian hak pekerja secara menyeluruh untuk mengurangkan risiko eksploitasi dan pemerdagangan manusia di kalangan pelarian dan migran.

7. Inisiatif sasaran yang menyokong dan mendorong wanita-wanita pelarian dan migran untuk memperoleh akses kepada pasaran buruh di KL.

8. Semasa COVID-19, berunding dengan komuniti migran dan pelarian, pastikan migran dan pelarian di KL:

- Turut termasuk dalam rancangan tempatan dan nasional;
- Mempunyai akses kepada saringan COVID-19 yang percuma dan tanpa ketakutan penangkapan atau penahanan;
- Menyediakan bantuan kecemasan termasuk akses kepada barangan keperluan asas dan tempat tinggal;
- Selamat daripada pengusiran disebabkan ketiadaan dokumentasi.

9. Menghentikan penangkapan sembarangan, penahanan dan pengusiran terhadap pelarian dan migran tanpa dokumen.

65 Untuk penemuan yang lebih terperinci dan cadangan mengenai kesesuaian dan penggunaan GCM dalam menghadapi COVID-19. Lihat Mixed Migration Centre (2020), [COVID-19 and the Global Compact for Migration. Is a Compact born in a crisis born again in the whirlwinds of three global crises](#); dan United Nations Network on Migration (2020), [The Global Compact for Migration \(GCM\): Well Governed Migration as an Essential Element of Effective COVID-19 Response](#).

Lampiran – Temu bual yang dijalankan

MMC telah menjalankan 10 temu bual pemberi maklumat utama (“Key Informant Interviews”) untuk kajian kes ini. Pemberi maklumat telah memberikan input berdasarkan pengalaman mereka sendiri berkenaan dinamik migrasi bercampur di Kuala Lumpur (KL). Dua kategori utama pemberi maklumat telah ditemu bual untuk kajian kes ini: 6 responden Rohingya dan Bangladesh yang telah menetap di KL selama kurang dari 24 bulan; dan 4 ahli masyarakat sivil (2 advokat pelarian dan migran serta 2 wakil organisasi masyarakat sivil) di KL.

Pelarian dan migran yang ditemu bual untuk kajian kes ini telah dihubungi oleh pemantau 4Mi (1 daripada komuniti warga Bangladesh dan 1 daripada komuniti Rohingya) dalam bulan Julai 2020, dan pihak berkepentingan yang utama telah mengambil bahagian secara terus dalam temu bual yang dijalankan oleh penyelidik MMC-Asia melalui WhatsApp dalam bulan Julai dan Ogos 2020. Kesemua maklumat peribadi dirahsiakan termasuklah nama organisasi masyarakat sivil yang mengambil bahagian dalam temu bual tersebut

Jadual 2: Temu bual Pelarian dan Migran

| # | Tarikh | Negara asal | Jantina | Umur |
|---|---------------|-------------|-----------|------|
| 1 | 29 Julai 2020 | Bangladesh | Lelaki | 28 |
| 2 | 3 Ogos 2020 | Myanmar | Lelaki | 28 |
| 3 | 4 Ogos 2020 | Myanmar | Perempuan | 25 |
| 4 | 5 Ogos 2020 | Bangladesh | Lelaki | 25 |
| 5 | 7 Ogos 2020 | Bangladesh | Lelaki | 25 |
| 6 | 7 Ogos 2020 | Myanmar | Perempuan | 30 |

Jadual 3: Temu bual ahli masyarakat sivil

| # | Tarikh | Negara asal | Jantina |
|---|--------------|-----------------------------------|-----------|
| 1 | 5 Ogos 2020 | Advokat pelarian dan migran | Lelaki |
| 2 | 7 Ogos 2020 | Advokat pelarian dan migran | Lelaki |
| 3 | 24 Ogos 2020 | Wakil organisasi masyarakat sivil | Perempuan |
| 4 | 27 Ogos 2020 | Wakil organisasi masyarakat sivil | Lelaki |



MMC adalah sebuah jaringan global yang mengandungi tujuh hab serantau serta sebuah unit pusat di Geneva yang terlibat dalam pengumpulan data, penyelidikan, analisis, serta pembangunan polisi berkenaan migrasi bercampur. MMC merupakan sumber utama bagi data, penyelidikan, analisis, serta kepakaran berkenaan migrasi bercampur yang bebas dan berkualiti tinggi. Matlamat MMC adalah meningkatkan kefahaman berkenaan migrasi bercampur, memberikan impak positif terhadap polisi - polisi migrasi global dan serantau, memaklumkan tindak balas perlindungan berdasarkan keterangan untuk orang – orang yang sedang berhijrah, serta menggalakkan pemikiran ke hadapan dalam wacana awam dan perdebatan polisi berkenaan migrasi bercampur. Fokus keseluruhan MMC adalah hak asasi manusia dan perlindungan untuk semua orang yang sedang berhijrah.

MMC merupakan sebahagian daripada, dan ditadbir oleh, Danish Refugee Council (DRC). Pasukan MMC global dan serantau berpusat di Amman, Copenhagen, Dakar, Geneva, Nairobi, Tunis, Bogota dan Bangkok.

Untuk maklumat lanjut, layari:
Mixedmigration.org

